

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000**

FEBRUARI 2000

RHS 508 – Pengurusan Dan Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Senaraikan TIGA pelan yang perlu diserahkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan sebelum sesuatu pembangunan boleh dijalankan. Berikan justifikasi kenapa kelulusan diperlukan serta huraikan keperluan-keperluan utama bagi pelan-pelan berkenaan.
(25 MARKAH)
2. Salah satu faktor penting yang menyebabkan wujudnya projek terbengkalai ialah kerana kekurangan pengawasan ke atas firma-firma yang menjalankan pemajuan. Bincangkan.
(25 MARKAH)
3. Pengalaman menunjukkan barangan atau perkhidmatan yang lebih baik dan cepat dapat diberikan kepada pengguna dengan menswastakan perkhidmatan berkenaan. Bincangkan kemungkinan kejayaan pelaksanaan konsep ini dalam konteks menambah dan mempercepatkan perbekalan perumahan terutamanya rumah kos rendah.
(25 MARKAH)
4. Senaraikan komponen-kompones kos yang utama dalam sesuatu projek pembangunan. Bincangkan komponen-komponen berkenaan dalam konteks implikasinya ke atas keperluan dan sumber pembiayaan.
(25 MARKAH)

5. Matlamat "Dasar Perumahan Negara" untuk menyediakan perumahan yang mencukupi dan termampu untuk semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tidak dapat dipenuhi disebabkan oleh pelbagai masalah tertentu. Beri cadangan anda bagaimana masalah-masalah ini boleh diatasi untuk memastikan matlamat berkenaan dicapai.

(25 MARKAH)

RLD 503/3 - Pembinaan Landskap

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi enam muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

oooOOooo

Jawab SEMUA (5) soalan.

- 1 a) Bincangkan kelebihan dan kekurangan kayu sebagai bahan binaan berbanding dengan bahan struktur yang lain.

(15 markah)

- b) Bagi setiap bahagian bangunan berikut, berikan satu contoh jenis kayu yang sesuai digunakan bagi pembinaannya.

- asas cerukuk
- tang
- lantai (kegunaan biasa)
- rangka-bekas
- kerja panel

(5 markah)